

Pameran tawar 63,500 kediaman

Harga bermula serendah RM70,000 hingga RM500,000 seunit

Oleh Balqis Jazimah Zahari
bhnews@nstp.com.my

Ipoh: Pameran hartanah MyRumah 2019 siri kelima anjuran Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) yang berlangsung di Ekspo Antarabangsa Perak 2019 (PIEX '19) menawarkan 63,500 unit rumah dengan nilai pembangunan kasar RM5.2 bilion.

Pengurus MyRumah, Mohd Haslan Abd Abbas, berkata unit kediaman yang ditawarkan adalah di sekitar negeri ini bermula daripada rumah mampu milik serendah RM70,000 hingga RM500,000 seunit. "Kerajaan Perak menjalankan satu gerak kerja yang baik dalam mempromosi rumah mampu milik daripada segi harga yang berpatutan.

"Jadi, rakyat negeri Perak boleh merebut peluang ini untuk memiliki rumah yang ditawarkan melalui program ini," katanya ditemui di ruang pameran MyRumah Perak-Ku 2019 di PIEX '19 di Stadium Indera Mu-

lia di sini, semalam.

Pameran yang disertai enam pemaju hartanah itu pada kali ini membabitkan unit kediaman dalam kawasan bandar dan juga luar bandar.

Program MyRumah yang berlangsung hari ini dan Ahad akan membabitkan sesi ceramah hartanah oleh lebih tujuh pakar hartanah yang akan memberi tips berkenaan hartanah kepada penduduk khususnya di Ipoh.

"Antara penceramah terabit adalah Pengasas Pejuang Hartanah, Ahyat Ishak yang akan membincangkan topik bertajuk 'Kalau Tak Kenal Maka Tak Selamat: Kenali Peluang & Perangkap Hartanah' yang menjadi antara ilmu penting dalam pembelian hartanah," katanya.

NSTP pada masa sama turut mengalu-alukan kerajaan negeri lain untuk bekerjasama menjalankan program MyRumah bagi merencangkan sektor hartanah tempatan.

Perancangan untuk MyRumah kali ini bukan hanya setakat di



Pengunjung mendapatkan penerangan daripada kakitangan Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak pada Pameran MyRumah yang berlangsung di Ekspo Antarabangsa Perak 2019, semalam. (Foto Muhaizan Yahya/BH)



Mohd Haslan Abd Abbas

Perak tetapi juga sudah turut dirancang bagi program yang akan datang.

Oleh itu, kerajaan negeri lain disarankan untuk turut bekerjasama. Ini kerana program itu sudah memasuki tahun keempat pelaksanaan dan perancangan sudah disusun untuk tahun depan.



Sementara itu, Pegawai Eksekutif Pemasaran Hartanah Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP), Sayed Muhammad Qusyairi Sayed Shariffuddin, berkata kerjasama dengan program MyRumah adalah platform terbaik LPHP untuk menengahkan lagi produk Rumah Perakku. "Kami memang tertarik dengan program seperti ini kerana kita

dapat bertemu dengan orang ramai untuk menengahkan lagi produk Rumah Perakku.

"Kami berhasrat untuk menerima seberapa banyak permohonan daripada orang ramai warga Perak yang berhasrat membeli rumah pertama dan mereka boleh mendapatkan sebanyak mungkin maklumat berkenaan projek Rumah Perakku di seluruh negeri ini," katanya.

Pengunjung boleh memohon Rumah Perakku mengikut syarat ditetapkan dan boleh mendengar penerangan lanjut daripada kakitangan kami mengenai syarat kelayakan memohon.

Setakat dua hari pameran, gerai LPHP bukan hanya dikunjungi orang ramai dari daerah Ipoh, malah dari pelbagai daerah lain termasuk Tanjung Malim.

Rumah mampu milik JPN, LPHP

Ipoh: Pengunjung MyRumah Perak-Ku 2019 berpeluang memiliki kediaman pada harga mampu milik yang ditawarkan Jabatan Perumahan Negara (JPN) dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP).

Kedua-dua agensi di bawah Kerajaan Persekutuan dan negeri itu yang kali pertama menyertai pameran itu anjuran Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) menerima sambutan hangat daripada pengunjung sepanjang dua hari pameran berlangsung.

Penolong Pengarah Unit Korporat JPN, Syed Mohd Zhubir Syid Zin, berkata JPN di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyokong hasrat NSTP dalam membantu orang ramai memiliki kediaman sendiri.

JPN sudah mengikuti pameran itu sepanjang tahun ini bermula di MyTOWN, Cheras, Kuala Lumpur, yang dirasmikan Menteri

melihat impaknya sangat besar dalam bidang hartanah.

Antara pakej menarik disediakan di gerai pameran JPN adalah produk khas di bawah Skim Perumahan Mampu Milik Swasta, khas untuk pembeli rumah pertama.

Kerajaan menyediakan bantuan iaitu rebat hingga RM30,000 bagi pembeli rumah pertama. Dengan itu, pembeli tidak perlu mengeluarkan deposit dan bantuan tidak perlu dibayar balik.

Turut disediakan di pameran itu ialah khidmat nasihat panduan membeli rumah dan setakat ini ada tiga projek perumahan di bawah agensi, di Melaka.

Syed Mohd Zhubir berkata, pameran itu juga inisiatif terbaik daripada NSTP dalam membantu mereka yang masih mencari kediaman idaman dengan mengumpul pemaju, syarikat insurans, pakar hartanah serta aktiviti menarik untuk keluarga.

Sementara itu, Pembantu Pengurus Jualan Casa Subang Sdn



Pengunjung mendapatkan penerangan kakitangan Jabatan Perumahan Negara pada Pameran Hartanah MyRumah Perak-Ku@PIEX 2019 di Ipoh.

Bhd, Stanley Kok, berkata pihaknya yang sudah menyertai pameran anjuran NSTP itu tahun lalu, melihat impak besar daripada penganjuran pameran itu kepada pihak pemaju dan pengunjung.

"Tahun lalu, Casa Subang menjual enam unit rumah kediaman dan melihat pameran ini membantu orang ramai memperoleh ilmu hartanah sekali gus memiliki kediaman sendiri.

"Kali ini Casa Subang terus menyertai pameran ini dengan menyediakan rumah mampu milik untuk dimiliki pengunjung iaitu kondominium di Klebang, Ipoh dengan harga bermula RM158,000," katanya.